



UNTUK SIARAN SEGERA

SUNWAY PUTRA HOTEL MERIAHKAN BULAN RAMADAN DENGAN SANTAPAN NUSANTARA PUTRA: SAJIAN ISTIMEWA, RAIKAN BERSAMA

KUALA LUMPUR, 20 JANUARI 2025 - Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur dengan bangganya mengumumkan pelancaran Santapan Nusantara Putra, sebuah bufet menyeluruh yang menghimpunkan warisan kuliner kaya dari Kepulauan Nusantara. Direka untuk menyanjung tema kebersamaan dan kesyukuran, bufet ini menawarkan lebih daripada 100 hidangan yang menggabungkan citarasa tradisional Malaysia, rasa autentik Indonesia, serta kepelbagaian hidangan antarabangsa yang kreatif.

Dinobatkan sebagai *Kuala Lumpur's Best City Hotel* oleh Luxury Lifestyle Awards 2024 dan tersenarai dalam *top 3% of properties in the city* oleh KAYAK Travel Awards 2024, Sunway Putra Hotel terus mentakrifkan semula pengalaman kuliner dengan penuh inovasi dan keaslian.

Tahun ini, kami dengan sukacitanya memperkenalkan Santapan Nusantara Putra sebagai satu perayaan kebersamaan melalui makanan. Bufet ini telah disusun rapi untuk menampilkan pelbagai rasa yang kebanyakannya dari Malaysia dan segelintir dari Indonesia, memberikan pengalaman makan malam yang benar-benar nikmat kepada para tetamu kami," kata Encik Wilfred Yeo, Pengurus Besar Kanan Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur. "Di Sunway Putra Hotel, kami terus komited untuk mencipta momen bermakna yang merapatkan silaturahim, terutamanya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Santapan Nusantara Putra tahun ini memperkenalkan lima tema hidangan istimewa yang menjanjikan keunikan pengalaman makan malam. **Gerai Kualu-Kawah** menawarkan hidangan mantap seperti **Kambing Bakar** dan **Gulai Daging Kawah**, manakala **Gerai Sate Beragam** menyajikan pelbagai pilihan sate Indonesia termasuk **Sate Maranggi Sapi** asli Purwakarta, **Sate Kambing Kecap** dari kepulauan **Madura**, dan pilihan satay Malaysia lainnya. Bagi peminat hidangan berkuah, **Gerai Kuah-Kuahan** menyediakan pilihan menyelerakan seperti **Sup Tulang**, **Sup Bakso**, **Sup Sayur Asem** dan pelbagai lagi. Menambah cita rasa Indonesia yang autentik, **Gerai Kuliner Nusantara** menampilkan hidangan istimewa seperti **Daging Sapi Taliwang** dari **Nusa Tenggara Barat** dan **Tongseng Kambing** dari Jawa Tengah.

Untuk mengakhiri malam dengan hidangan manis, bufet ini menawarkan pelbagai jenis **pencuci mulut**, daripada kek yang mewah seperti **Kek Marble** dan **Kek Pandan Gula Melaka** kepada



hidangan tradisional seperti **Bubur Kacang Hijau, Bubur Pulut Hitam, dan Sago Pelangi Gula Aren.**

Bufet Santapan Nusantara Putra akan berlangsung dari **1 Mac hingga 27 Mac 2025** di Kopi Haus, **Tingkat 9, Lobby Utama**, dari jam **7 malam hingga 10 malam.**

Tetamu boleh memanfaatkan **Promosi pembelian awal**, dengan harga **RM135 nett** seorang untuk tempahan yang dibuat antara **5 hingga 25 Februari 2025**. Bermula **26 Februari**, harga biasa sebanyak **RM159 nett** seorang akan dikenakan.

Menambahkan keseronokan, hotel telah mengumumkan **Peraduan Cabutan Bertuah**, terbuka kepada tetamu yang membeli enam atau lebih bufet dewasa dalam satu resit antara **1 Mac hingga 23 Mac 2025**. Hadiah termasuk baucar penginapan, makan dan banyak lagi.

Untuk maklumat lanjut atau tempahan, layari <https://www.sunwayhotels.com/sunway-putra>, hubungi +603 4040 9888, WhatsApp +6019 305 2372, atau e-mel spkl.ch@sunwayhotels.com.

- TAMAT -

MENGENAI SUNWAY PUTRA HOTEL KUALA LUMPIUR

Terletak betul-betul berhadapan dengan World Trade Centre Kuala Lumpur, Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur yang bertaraf 5 bintang terletak di tengah-tengah segitiga berlian, salah satu kawasan paling eklektik di Kuala Lumpur; terkenal dengan pemandangan jalanan yang meriah, dipenuhi kafe dan bar tempatan serta trendy, pasar yang sibuk, mercu tanda, dan gabungan pelbagai budaya serta tradisi Asia, kesemuanya mudah diterokai. Hotel ini menawarkan destinasi yang penuh dengan perbezaan yang menarik; menggabungkan pesona kawasan peribadi dengan tenaga bandar dinamik untuk satu perjalanan penemuan yang tidak berkesudahan. Hotel yang mempunyai 650 bilik ini merupakan sebahagian daripada pembangunan bersepadu dan dihubungkan terus dengan Sunway Putra Mall. Hotel ini menampilkan bilik mesyuarat dan ruang acara yang direka dengan indah untuk meningkatkan kualiti mesyuarat anda. Dengan 15 ruang acara yang berbeza, anda boleh menganjurkan acara dalam pelbagai saiz dan jenis, yang boleh disesuaikan mengikut citarasa anda – sama ada acara perniagaan atau majlis perayaan. Hotel ini juga menawarkan outlet makanan dan minuman seperti restoran makan sepanjang hari yang menyajikan masakan tempatan dan antarabangsa, restoran Indonesia 'Rumah Makan Nusantara' – Restoran Indonesia yang pertama dan satu-satunya yang autentik di Malaysia yang terletak di dalam kawasan hotel, menyajikan pelbagai hidangan à la carte Indonesia dari pelbagai wilayah di Indonesia dan Atrium Lounge, yang menyajikan set Teh Petang khas serta pelbagai pilihan kopi, kek dan pastri. Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.sunwayhotels.com/sunway-putra



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi :

Sabrina Foo

Penolong Pengarah Jenama, Pemasaran dan Komunikasi

Telefon: +603 4040 9888 atau emel: sabrinaflt@sunwayhotels.com

Jessica Loh

Eksekutif Kanan, Pemasaran & Komunikasi

Telefon: +603 4040 9888 atau emel: jessicalopy@sunwayhotels.com

Untuk melihat salinan lembut Siaran Akhbar, Program, Ucapan dan Menu ini, sila imbas QR di bawah:

